

22 SEP 2002

Ali-Perdagangan

MELAKA ANJUR TIGA LAGI MISI PERDAGANGAN SEBELUM AKHIR TAHUN

Oleh: Sha'rin Sahad

SHANGHAI, 22 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan mengadakan tiga lagi misi perdagangan iaitu ke Amerika Syarikat, Belanda dan India sebelum akhir tahun ini, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam hari ini.

Beliau berkata misi perdagangan dan promosi pelancongan Melaka itu dirancang ekoran kejayaan misi ke wilayah Jiangsu dan Shanghai.

"Tiga misi itu ialah ke Amerika Syarikat, Belanda dan India pada Oktober dan November ini," katanya kepada pemberita yang menyertai rombongan itu di sini hari ini.

Beliau yakin misi-misi yang diadakan itu akan membantu mencapai matlamat kerajaan negeri untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah RM1 bilion pada tahun ini.

Sehingga Ogos, FDI telah mencapai jumlah RM733.4 juta, katanya.

"Beberapa buah syarikat dari Taiwan, Singapura dan (negara-negara) Eropah sedang menunggu kelulusan permohonan untuk melabur di Melaka (yang) diproses oleh MIDA," kata Mohd Ali.

Mengenai lawatannya ke Jiangsu dan Shanghai sejak 17 September lepas, Ketua Menteri berkata ia telah berjaya mewujudkan hubungan erat antara Melaka dan Jiangsu serta pelabur-pelabur dari Shanghai.

Beliau berkata antara tindakan segera ialah beberapa pegawai dari Jiangsu akan mengadakan lawatan ke Melaka bulan depan dan sebanyak 70 buah gerai Pameran Antarabangsa Pelancongan Melaka pada April depan telah ditempah oleh usahawan dari Jiangsu.

Selain itu, Gabenor Jiangsu, Ji Yunshi, akan melawat Melaka pada April depan sempena sambutan Melaka Bandaraya Bersejarah.

Mengenai misi ke Amerika Syarikat, beliau berkata ia akan melibatkan tinjauan ke atas beberapa program k-Inkubator dan teknologi komunikasi maklumat (ICT) yang boleh diaplikasikan di Melaka.

Manakala lawatan ke Belanda, beliau akan melawat pameran buah-buahan dan bunga antarabangsa yang diadakan setiap 10 tahun sekali dan dihadiri jutaan pengunjung.

Mohd Ali berkata Melaka akan cuba memperkenalkan konsep itu di Taman Buah-buahan Tropika di Selandar yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Oktober ini.

Manakala lawatannya ke India pula, beliau akan melawat beberapa buah syarikat di Lembah Silikon di sana serta melihat peluang pelaburan yang ada.

"Kita harap, selain menarik pelabur ia juga mempromosikan pelancongan Melaka di ketiga-ketiga negara yang dilawati," katanya.

Sejak awal tahun ini, kerajaan negeri Melaka telah menghantar misi perdagangannya ke Singapura, Indonesia, Thailand, Belanda, Perancis, Portugal dan Britain.

-- BERNAMA

SBS NO MOZ